

CNS9404

U GB 06-11 00151 BH999

AAB

PERKHIDMATANKESIHATANHENDAKLAHMENGUTAMAKAN PENCEGAHAN

Mahathir - Kesihatan

T

KUALA LUMPUR , 6 Nov ( Bernama ) -- Perancangan perkhidmatan kesihatan perlu di sesuaikan dengan perubahan keadaan dan masalah, kata Perdana Menteri Datuk Seri i Dr Mahathir Mohamad.

Perkhidmatan kesihatan merupakan sebahagian daripada aspek penting dalam rancangan pembangunan sosial negara dan sehubungan dengan ini, rakyat hendaklah mudah menikmati kemudahan kesihatan moden demi meninggikan taraf hidup, kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap demikian pada majlis jamuan Kongres Ke-7 Pakar-pakar Bi us Asean di sini malam ini.

Beliau berkata: +Kita perlu bersikap inovasi dan mencari cat-a baru bagi memperbaiki perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negara masing-masing dalam usaha menyediakan program jagaan pesakit yang berkesan.+

Pagi tadi, isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyampaikan ucapan dasar pada kongres lima hari itu yang dihadiri sebanyak 350 orang wakil dari 24 buah negara. -- Lagi.

♥06/11/20-55MST

CNS9413

U GB 06-11 00125 BH002

AAB

Mahathir - Kesihatan 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, sejak merdeka Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam konteks meningkatkan kemudahan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada penduduknya.

Kadar kematian bayi menurun dari 75.5 peratus bagi 1,000 kelahiran pada 1957 kepada 13.2 peratus pada 1989 sementara kadar kematian ibu menurun daripada 2.8 peratus bagi 1,000 kelahiran kepada 0.2 peratus.

Kadar hayat meningkat daripada 55.8 tahun kepada 69 tahun bagi lelaki dan 58.2 tahun kepada 73.5 tahun bagi wanita bagi tempoh yang sama.

Kementerian Kesihatan telah mengagihkan perkhidmatan pakar bagi membolehkan lebih banyak penduduk menikmati perkhidmatan dan penjagaan kesihatan, kata beliau.

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan pembedahan, perubatan, perbidanan dan ginekologi kini terdapat di hospital-hospital daerah. -- Lagi.

♥06/11/21-04MST

CNS9419

U GB 06-11 00163BH003

aab

Mahathir - Kesihatan 3 Kuala Lumpur

Kementerian bercadang menawarkan perkhidmatan separa pakar di hospital-hospital besar di samping memajukan Hospital Besar Kuala Lumpur sebagai Hospital Rujukan Kebangsaan, kata beliau.

Beliau berkata, latihan lanjutan siswazah bagi doktor kini diadakan di negara ini di samping menghantar mereka ke seberang laut supaya program pembesaran tidak terjejas akibat kekurangan pakar bius.

Malaysia kekal dalam arus kemajuan dalam teknologi perubatan dengan memperolehi peralatan dan kaedah baru bagi hospital-hospitalnya, kata Datu Seri Dr Mahathir,

Beliau berkata ketika negara bergerak menuju ke arah pencapaian taraf negara maju menjelang tahun 2020, kerajaan perlu menyesuaikan diri dengan arus perubahan dan mengkaji semula peranan perkhidmatan perubatan dan kesihatannya.

Sehubungan dengan ini, kerajaan kini memperkenalkan konsep pencegahan penyakit dengan memberi tumpuan kepada cara hidup yang sihat.

Beliau berkata dengan menggalakkan rakyat mengamalkan cara hidup yang sihat, kerajaan berharap rakyat akan bebas daripada penyakit seperti AIDS dan kanser, kata beliau. -- Bernama

♥06/11/21-13MST